

KENYATAAN MEDIA

14 MAC 2023

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Penambahan Kuota di bawah Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP)

Putrajaya, 14 Mac 2023 – Selaras dengan pengumuman YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) pada 9 Mac 2023 berkenaan Program Tenaga Hijau Korporat atau *Corporate Green Power Programme* (CGPP), beberapa pengemaskinian baharu sedang dilaksanakan seperti tersebut:

- a. Kuota tambahan sebanyak 200 MW bagi membolehkan lebih banyak syarikat melanggan bekalan elektrik hijau bagi memenuhi komitmen *Environment, Social and Governance* (ESG); dan
- b. Permohonan dan penyertaan program ini akan dibuka sepanjang tahun sehingga 31 Disember 2023 atau sehingga kuota habis dilanggan serta membenarkan penyertaan pemaju tenaga boleh baharu (TBB) dari sumber bukan solar.

Permohonan bagi keseluruhan kuota secara terbuka sepanjang tahun termasuk kuota tambahan sebanyak 200 MW bagi program CGPP ini akan berkuat kuasa bermula 3 April 2023 hingga 31 Disember 2023 atau sehingga kuota habis dilanggan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kuota sebanyak 800 MW, selari dengan sasaran TBB Kerajaan menjelang tahun 2025.

Manakala, penyertaan oleh pemaju TBB dari sumber bukan solar pula sedang dikaji, dan kerangka bagi membolehkan penyertaan akan dimuktamadkan dalam jangka masa terdekat. Buat masa ini, pembangunan loji jana kuasa bukan solar masih

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

boleh dilaksanakan di bawah skim *Feed in Tariff* (FiT) ataupun melalui mekanisme *New Enhanced Dispatch Arrangement* (NEDA) yang sedia ada.

Selaras dengan pengumuman dan perubahan ini, Panduan Maklumat untuk Program Tenaga Hijau Korporat (bagi Loji Solar PV) yang telah dikeluarkan oleh ST akan dikemaskini dan akan dimuat naik ke laman sesawang ST selewat-lewatnya pada bulan April 2023.

Semua peserta yang berminat untuk menyertai program CGPP ini adalah dinasihatkan untuk sentiasa menyemak laman sesawang rasmi ST (www.st.gov.my) untuk mendapatkan panduan terkini bagi program ini.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azrina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azrina)/011-28866271 (Hazwani)/018-3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.